

Universiti Putra Malaysia (UPM) meraih tujuh emas, lapan perak dan lapan gangsa daripada 24 penyerahan dalam pameran Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), baru-baru ini.

Prof Dr Dzulkhifli Omar dari Fakulti Pertanian turut merangkul pingat emas dengan inovasi Biobased Nanoemulsion of Rotenone For Safe and Effective Insect Pest Control iaitu sejenis racun serangga botani yang diekstrak dari pokok tuba.

Penyelidik Fakulti Sains dan Teknologi Makanan Prof Dr Tan Chin Ping merangkul pingat emas melalui ciptaan new process for the production of refined palm oil with reduced 3-MCPD esters.

Ciptaan ini menghasilkan satu penyelesaian pemrosesan untuk pengurangan 3-MCPD ester dalam proses penapisan untuk kualiti minyak sawit



SEBAHAGIAN penyelidik UPM yang menerima pingat emas.

yang bagus.

Penyelidik Fakulti Sains Pertanian dan Makanan UPM Kampus Bintulu Prof Madya Dr Ahmed Osumanu Haruna turut mendapat pingat emas melalui inovasi Activated Carbon For Green Farming.

Melalui inovasi ini, petani

dapat melipat gandakan hasil padi selain mengurangkan penggunaan racun perosak, tenaga kerja dan masa tuaian.

Selain itu, Prof Dr Fatimah Md Yusoff dari Institut Biosains juga turut memenangi pingat emas melalui ciptaan AquaGelatin: Halal Marine-

based Gelatin for Versatile Nutraceutical and Cosmeceutical Applications iaitu penghasilan gelatin dan kolagen halal yang berasaskan obor-obor.

Sementara itu, Shell-Less Extruded PKC hasil inovasi Prof Dr Norhani Abdullah

dari Institut Pertanian Tropika pula memenangi pingat emas. Kajian ini berkenaan penghasilan makanan ayam yang dapat meningkatkan sistem imunisasi ayam.

Pingat emas lain dimenangi inovasi GreenCat: Bi-functional Heterogeneous

UPM raih 7 emas

Catalysts for Production of Non-Edible based Biodiesel hasil ciptaan Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin dari Fakulti Sains iaitu penghasilan pemangkin untuk pengeluaran biodiesel yang lebih berkesan.

Prof Madya Dr Normahdiah Sheik Said dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi turut meraih emas melalui inovasi Storytelling Augmented Reality Kit (STAR KIT).

PECIPTA pada kali ini dianjurkan Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSII) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertemakan 'Innovating Today for Tomorrow.'

Sebanyak 44 universiti awam dan swasta termasuk Politeknik menyertai pertandingan itu membabitkan 500 projek inovasi dalam sembilan kluster utama.

UPM menjadi ketua bagi kluster pertanian, akuakultur dan alam sekitar yang mempertandingkan sebanyak 103 penyelidikan serta inovasi.